



SIARAN MEDIA

SEMUA KONTRAK PEMBINAAN STESEN BERTINGKAT LALUAN SSP TELAH DIANUGERAHKAN

Kuala Lumpur, 6 November 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan bahawa semua pakej kerja pembinaan stesen bertingkat bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) telah berjaya dianugerahkan.

Enam pakej kerja stesen bertingkat, dengan jumlah nilai RM1.23 bilion telah dianugerahkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan II Datuk Seri Johari Abdul Ghani pada bulan September dan Oktober baru-baru ini.

Kesemua pakej kerja stesen projek adalah sub-kontrak yang dipilih (nominated sub-contract) di bawah pakej jejambat masing-masing.

Pakej kerja S204 bagi pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Kuchai Lama dan Taman Naga Emas telah dianugerahkan kepada WCT Berhad. Nilai kontrak ialah RM199.5 juta.

Tender tersebut adalah dalam kategori terbuka dan sebanyak enam syarikat, termasuk WCT Berhad, telah mengemukakan tender.

Pada tahun sebelum ini, WCT Berhad telah dianugerahkan pakej kerja jejambat V204 untuk pembinaan jejambat bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Portal Selatan Bandar Malaysia ke Kampung Muhibbah.

Sementara itu, pakej kerja S205 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Sungai Besi dan Serdang Raya Utara telah dianugerahkan kepada Apex Communications Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM243.34 juta.

Tender bagi pakej kerja ini adalah dalam Kategori Bumiputera dan Apex berjaya mengalahkan dua syarikat lain untuk muncul sebagai penender berjaya untuk pakej kerja ini.



Apex juga pernah dianugerahkan beberapa pakej kerja bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), termasuk dua pakej kerja stesen bertingkat S7 dan S8.

Kontraktor pakej kerja bagi pakej kerja jejambat yang sepadan iaitu pakej kerja V205 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Kampung Muhibbah ke Serdang Raya adalah Trans Resources Corporation Bhd, yang telah dianugerahkan kontrak pada Mac tahun ini.

Pakej kerja S206 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Serdang Raya Selatan, Seri Kembangan dan UPM telah dianugerahkan kepada Ahmad Zaki Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM288.47 juta.

Tender tersebut adalah dalam kategori Bumiputera dan sebanyak lima syarikat, termasuk penender yang berjaya, telah mengemukakan tender.

Pakej kerja jejambat yang sepadan iaitu pakej kerja V206 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Serdang Raya ke UPM telah dianugerahkan kepada Gadang Engineering (M) Sdn Bhd pada Mac tahun ini.

Pada April 2016, Ahmad Zaki telah dianugerahkan Pakej Kerja V202 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Persiaran Dagang ke Jinjang.

Syarikat tersebut turut terlibat dalam pembinaan Laluan SBK di mana ianya telah dianugerahkan pakej kerja jejambat V6 dan juga pakej kerja stesen S6.

Pakej kerja stesen S208 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Equine Park dan Taman Putra Permai telah dianugerahkan kepada S.N. Akmida Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM219.7 juta.

Tender tersebut adalah dalam kategori Bumiputera dan sebanyak empat syarikat, termasuk S.N. Akmida, telah mengemukakan tender.

Pakej kerja jejambat yang sepadan iaitu pakej kerja V208 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Taman Pinggiran Putra ke Persiaran Alpina telah dianugerahkan kepada MTD Construction Sdn Bhd pada November 2016.

Ini merupakan pakej kerja stesen kedua yang dianugerahkan kepada S.N. Akmida untuk Laluan SSP. Pada tahun lepas, MRT Corp telah menganugerahkan pakej kerja stesen S202 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Kepong Sentral, Metro Prima, Kepong Baru dan Jinjang kepada syarikat tersebut.



Sementara itu, pakej kerja stesen S209 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan di 16 Sierra dan Cyberjaya Utara telah dianugerahkan kepada Acre Works Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM137.9 juta.

Acre Works juga merupakan kontraktor pakej kerja jejambat yang sepadan iaitu pakej kerja V209 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Persiaran Alpinia ke Persiaran Apec.

Tender pakej kerja stesen S209 adalah dalam kategori Bumiputera dan sebanyak enam syarikat telah mengemukakan tender.

Acre Works juga terlibat dalam kerja-kerja lain bagi Laluan SSP, termasuk kerja-kerja awalan untuk kontrak reka bentuk dan bina (design and build contract) untuk Bengkel JKR Wilayah Persekutuan baru serta bekalan dan penghantaran galang kekotak berseghmen di bawah Pakej SBG202.

Akhir sekali, Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB) muncul sebagai penender yang berjaya untuk pakej kerja stesen S210 bagi pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Pusat Bandar Cyberjaya dan Putrajaya Sentral. Nilai kontrak ialah RM145.8 juta.

Tender tersebut adalah dalam kategori Bumiputera dan sebanyak lima syarikat telah mengemukakan tender.

MRCB juga merupakan kontraktor pakej kerja bagi pakej kerja jejambat yang sepadan iaitu pakej kerja V210 untuk pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Persiaran APEC ke Putrajaya Sentral. Pakej kerja telah dianugerahkan pada Mei 2016.

Pakej kerja stesen bertingkat S201, S202 dan S203 telah dianugerahkan pada akhir tahun lepas dan awal tahun ini. Pembinaan stesen bawah tanah pula adalah di bawah skop kerja Pakej Kerja Bawah Tanah yang juga telah dianugerahkan pada tahun lepas.

Pakej kerja stesen S207 tidak wujud pada masa ini kerana stesen tersebut, yang di bawah pakej kerja jejambat V207, merupakan stesen rizab yang akan dibina di masa hadapan.

Selain daripada pakej kerja stesen di atas, pakej kerja lain turut dianugerahkan.

Global Rail Dom Industries (BMS201) Joint Venture telah dianugerahkan Pakej BMS201 bagi Reka Bentuk, Bekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Pengurusan Bangunan Bertingkat (dari pakej V201 ke pakej V210) dan Depoh (DPT201). Nilai kontrak ialah RM39.89 juta.

Tender ini adalah dalam kategori terbuka, dan sebanyak enam syarikat telah mengemukakan tender termasuk penender yang menang.



Pakej Kerja L&E 202 untuk Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Lif dan Eskalator bagi Stesen Bertingkat dan Depoh telah dibahagi kepada dua kumpulan, dengan Kumpulan A merangkumi pakej V203 (sebahagian daripadanya), V204, V205 dan V206, dan Kumpulan B terdiri daripada pakej V208, V209, V210 dan DPT210.

Penender yang berjaya untuk Kumpulan A ialah Eita Elevator (Malaysia) Sdn Bhd untuk kontrak bernilai RM69.83 juta, sementara penender yang berjaya untuk Kumpulan B ialah Rani-MS Engineering Sdn Bhd dengan kontrak bernilai RM42.92 juta.

Pakej kerja adalah dalam kategori terbuka dan sebanyak lima syarikat telah mengemukakan tender untuk kedua-dua kumpulan.

Sementara itu, Pakej L&E201: Bekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Lif dan Eskalator untuk Stesen Bertingkat (Pakej V201, V202 dan sebahagian dari V203) telah dianugerahkan kepada Rani MS-Engineering Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM73.38 juta.

Tender adalah dalam kategori terbuka, dan Rani-MS Engineering berjaya mengalahkan dua syarikat lain untuk memenangi tender tersebut.

Ringkasan anugerah dilampirkan bersama kenyataan media ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar mengucapkan tahniah kepada para penender yang berjaya, dan mengalu-alukan beberapa syarikat yang sudah biasa dengan projek MRT Lembah Klang.

"Saya ingin mengalu-alukan semula beberapa syarikat yang telah bersama kami sejak dari Laluan SBK.

"Bagi syarikat yang baru sahaja menyertai kami, Projek MRT Lembah Klang menetapkan penanda aras yang tinggi dalam industri pembinaan. Saya berharap anda akan dapat belajar dengan cepat semasa anda menjalankan tugas dengan panduan dari MRT Corp dan Rakan Pelaksana Projek," kata Shahril.

Shahril berkata penender yang berjaya telah dipilih berdasarkan penilaian tender terbaik, di mana tender telah dinilai berdasarkan penilaian teknikal, komersil, perundangan, kewangan dan penilaian Program Kerjasama Industri.

Pembinaan MRT Laluan SSP telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 16 September 2016. Fasa Pertama Laluan SSP akan mula beroperasi pada Julai 2021, dan dijangka siap pada Julai 2022.

-tamat/-



RINGKASAN PAKEJ KERJA YANG TELAH DIANUGERAHKAN

	Deskripsi Pakej	Penender yang Berjaya	Harga Tender
1.	Pakej S204: Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Kuchai Lama dan Taman Naga Emas.	WCT Berhad	RM 199.5 juta
2.	Pakej S205: Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Sungai Besi dan Serdang Raya Utara.	Apex Communication Sdn Bhd	RM 243.34 juta
3.	Pakej S206: Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Serdang Raya Selatan, Seri Kembangan dan UPM.	Ahmad Zaki Sdn Bhd	RM 288.47 juta
4.	Pakej S208: Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Equine Park dan Taman Putra Permai.	S. N. Akmida Sdn Bhd	RM 219.7 juta
5.	Pakej S209: Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di 16 Sierra dan Cyberjaya Utara.	Acre Works Sdn Bhd	RM 137.9 juta
6.	Pakej S210: Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan di Pusat Bandar Cyberjaya dan Putrajaya Sentral.	Malaysian Resources Corporation Berhad	RM 145.8 juta
7.	Pakej BMS201: Reka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahkan Sistem Pengurusan Bangunan untuk Stesen Bertingkat (dari V201 ke V210) dan Depoh (DPT201)	Global Rail Dom Industries (BMS201) Joint Venture	RM 39.8 juta
8.	Pakej L&E201: Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahkan Sistem Lif dan Eskalator untuk Stesen Bertingkat (Pakej V201, V202 dan sebahagian daripada V203)	Rani – MS Engineering Sdn Bhd	RM 73. 38 juta



9.	Pakej L&E202: Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Lif dan Eskalator untuk Stesen Bertingkat dan Depoh (Pakej sebahagian daripada V203, V204 hingga ke V210 dan DPT 210)		
	Kumpulan A:	Eita Elevator (Malaysia) Sdn Bhd	RM 69.83 juta
	Kumpulan B:	Rani – MS Engineering Sdn Bhd	RM 42.92 juta

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

***Encik Leong Shen-Li
MRT Corp***

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

***Cik Amalina Ghazali
MRT Corp***

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my